

ALLERSIN SYRUP 4MG/5ML

Chlorpheniramine Maleate (4mg / 5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Allersin Syrup
2. Bagaimana Allersin Syrup berfungsi
3. Sebelum menggunakan Allersin Syrup
4. Cara menggunakan Allersin Syrup
5. Semasa menggunakan Allersin Syrup
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Allersin Syrup
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Allersin Syrup

Allersin Syrup digunakan untuk keadaan alahan yang responsif pada antihistamin.

Bagaimana Allersin Syrup berfungsi

Bahan aktif dalam ubat ini adalah chlorpheniramine maleate. Chlorpheniramine maleate merupakan antihistamin. Ia berfungsi dengan menyekat bahan semulajadi tertentu (*histamine*) yang badan anda hasilkan semasa reaksi alahan.

Sebelum menggunakan Allersin Syrup

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan Allersin Syrup jika anda:

- hipersensitif kepada chlorpheniramine maleate ataupun mana-mana bahan kandungan lain seperti yang dinyatakan pada akhir risalah ini.
- glaukoma sudut tertutup (peningkatan tekanan dalam mata).
- mengambil ubat kemurungan dikenali sebagai Monoamine Oxidase Inhibitors (MAOIs).
- mempunyai ulser perut atau duodenum.
- mengalami kesukaran untuk mengeluarkan air kencing.
- mempunyai serangan asma.

- Sebelum mula menggunakan Allersin Syrup

Beritahu doktor anda jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau menyusukan bayi.

Ia tidak digalakkan untuk wanita hamil dan ibu menyusukan kecuali manfaat yang dijangka melebihi potensi risiko.

Tiada bukti mencukupi yang menunjukkan penggunaannya adalah selamat dalam tempoh kehamilan ibu mengandung.

Penggunaannya oleh ibu menyusukan badan tidak digalakkan kerana risiko kesan sampingan kepada bayi. Antihistamin boleh menyekat bekalan susu ibu.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Terdapat beberapa ubat yang boleh berinteraksi dengan Allersin Syrup. Adalah penting untuk memberitahu doktor atau ahli farmasi anda mengenai semua ubat-ubatan yang anda ambil, termasuk yang diperolehi tanpa preskripsi doktor. Anda perlu berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil ubat seperti yang berikut: -

- ubat untuk sawan seperti Phenytoin.
- alkohol, ubat penenang atau sedatif.

Cara menggunakan Allersin Syrup

- Berapa banyak harus digunakan

Anda perlu mengambil Allersin Syrup dengan tepat seperti yang dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi. Jumlah yang anda ambil setiap hari bergantung kepada keadaan anda. Jangan mengambil lebih atau kurang daripada apa yang doktor anda tetapkan.

Pengambilan Oral

Dewasa: 5ml, tiga hingga empat kali sehari.

Kanak-kanak berumur sehingga 1 tahun: 1.25ml, dua kali sehari.

Kanak-kanak berumur antara 1 hingga 5 tahun: 1.25ml-2.5ml, tiga kali sehari.

Kanak-kanak 6 hingga 12 tahun: 2.5ml-5ml, tiga hingga empat kali sehari.

- Bila perlu digunakan

Gunakan Allersin Syrup mengikut preskripsi doktor. Semua dos perlu diambil selepas makan.

- Berapa lama perlu digunakan

Ia adalah penting untuk mengambil Allersin Syrup untuk tempoh yang ditetapkan oleh doktor.

- Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda ingat. Jika ia hampir masa untuk dos seterusnya, tunggu sehingga itu untuk mengambil dos yang seterusnya. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang terlepas. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera. Sila rujuk kepada kesan sampingan untuk simptom-simptom terlebih dos.

Semasa menggunakan Allersin Syrup

- Perkara yang perlu dilakukan

- Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda mengambil Allersin Syrup.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda mengandung semasa mengambil ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti mengambil ubat kecuali dinasihatkan oleh doktor anda.
- Jangan mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor anda.
- Jangan berikan Allersin Syrup kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai simptom atau masalah seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Chlorpheniramine maleate boleh menyebabkan keupayaan anda untuk menumpukan perhatian atau bertindak balas terjejas. Berhati-hati ketika memandu kenderaan atau mengendalikan mesin sehingga anda mengetahui kesan Allersin Syrup terhadap anda.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Allersin Syrup boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya. Kesan sampingan yang paling biasa adalah seperti sedatif, sedikit mengantuk sehingga terlelap, ketidakupayaan untuk menumpukan perhatian, letih, pening, tekanan darah rendah, otot kurang terkawal dan kelemahan.

Selain itu, termasuk loya, muntah-muntah, cirit-birit atau sembelit, sakit epigastrik, kekeringan mulut, sesak dada, kelemahan tangan, bunyi berdering dalam telinga, tiada selera makan dan mimpi buruk.

Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin juga boleh berlaku pada sesetengah orang. Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi jika anda mengalami kesan sampingan lain semasa mengambil ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Pemegang Pendaftaran Produk

Sunward Pharmaceutical Sdn. Bhd.
No.9,11 & 17, Jalan Kempas 4, Taman
Perindustrian Tampoi Indah, 81200
Johor Bahru, Johor, Malaysia.

Tarikh Kemaskini RiMUP

01/07/2022

Nombor Siri

NPRA(R4/1)130520/00075

Cara penyimpanan dan pelupusan Allersin Syrup

- Penyimpanan

Simpan pada atau di bawah suhu 30°C.
Lindungi daripada cahaya.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Sirap jernih, berwarna hijau dengan berperisa pisang.

-Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

- Chlorpheniramine Maleate

- Bahan- bahan tidak aktif

- Sodium Benzoate
- Citric Acid Anhydrous
- Blue Color
- Quinoline Yellow Color
- Banana Flavour
- Coarse Sugar
- Deionised Water

- Nombor MAL

MAL19861154AZ

Pengilang

Sunward Pharmaceutical Sdn. Bhd.
No. 9,11 & 17, Jalan Kempas 4, Taman
Perindustrian Tampoi Indah, 81200
Johor Bahru, Johor, Malaysia.